

**Ranking Ekonomi Ke Atas Kebebasan Ekonomi Akan Bertambah Baik, Kata Koh Bernama
12 Oktober , 2011**

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Kedudukan Malaysia dalam Laporan Tahunan 2011: Kebebasan Ekonomi Dunia akan bertambah baik di masa hadapan, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

Koh, yang juga merupakan pengerusi Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan berkata keyakinan beliau berdasarkan kepada pelbagai inisiatif transformasi ekonomi yang diperkenalkan sejak dua setengah tahun lepas.

Beliau berkata inisiatif di bawah Model Ekonomi Baru dan Program Transformasi EKonomi yang bertujuan menggalakkan penyertaan sektor swasta dalam aktiviti ekonomi, akan membantu memperbaiki kedudukan negara.

"Bagaimanapun, kita tidak boleh pandang ringan. Kerajaan mahu inisiatif itu dipantau agar kita boleh menjadikannya penanda aras untuk dibandingkan dengan negara-negara lain yang mendahului kita.

"Untuk itu, kita mahu bekerjasama rapat dengan Institut Fraser dan Institut untuk Hal Ehwal Demokrasi dan Ekonomi bagi memantau pelbagai indikator," kata beliau dalam taklimat media selepas merasmikan Persidangan Rangkaian Kebebasan Ekonomi Asia 2011 di sini Rabu.

Malaysia jatuh satu anak tangga ke kedudukan ke-78 dalam Laporan Tahunan 2011: Kebebasan Ekonomi Dunia.

Kedudukan itu berdasarkan data yang dikumpul pada tahun 2009.

Laporan itu dikeluarkan oleh Institut Fraser, ialah kumpulan pemikir dasar awam terkemuka Kanada.

Menurut laporan itu, kedudukan Malaysia jatuh terutamanya kerana saiz kerajaan.

Terdahulu, Koh berkata yang kerajaan mengakui dan menyedari hakikat yang enjin pertumbuhan yang lain berkesan ialah mendorong sektor swasta dan pengurangan penglibatan kerajaan dalam aktiviti ekonomi.

Beliau berkata kerajaan telah meliberalkan 44 subsektor, termasuk 17 yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dalam pengumuman Belanjawan 2012 Jumaat lepas.

"Kita kini dalam proses transformasi dan saya agak pasti dengan kesemua strategi yang telah dilaksanakan, kita sudah tentu menjadi ekonomi yang lebih bebas dalam beberapa tahun akan datang," kata beliau.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=619501>

